

Headline	Operasi selenggara loji penyejukan daerah KLIA bermula		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Jul 2021	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Bisnes	Page No	27
ArticleSize	100 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,818		



Operasi selenggara loji penyejukan daerah KLIA bermula

Kuala Lumpur: *Cooling Energy Supply Sdn Bhd* (CESSB) memulakan operasi dan penyelenggaraan loji penyejukan daerah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 1 Julai 2021.

CESSB adalah syarikat usaha sama (JV) antara anak syarikat Tenaga Nasional Bhd (TNB), TNB Engineering Corporation Sdn Bhd (TNEC) dan anak syarikat Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), Airport Ventures Sdn Bhd.

TNB dalam kenyataan berkata, di bawah perjanjian konsesi 20 tahun yang dimeterai kedua-dua pihak, CESSB akan mengendalikan, menyelenggara dan

menaik taraf loji penyejukan daerah sedia ada yang menjadi antara yang terbesar di Malaysia.

“Syarikat usaha sama itu juga akan menjual, mengagih dan membekalkan tenaga elektrik dan penyejukan kepada pelanggan di KLIA dan sekitarnya menggunakan teknologi yang moden, efisien dan berdaya harap,” katanya.

TNB berkata CESSB akan menaik taraf loji sedia ada yang berkuasa gas kepada loji yang menggunakan elektrik sepenuhnya dan menghasilkan tenaga penyejukan dengan lebih efisien, seterusnya mengurangkan kos operasi KLIA sehingga lebih RM50 juta setahun.